

MDEC UMUM PENSTRUKTURAN SEMULA OPERASI BAGI MEMIMPIN EKONOMI DIGITAL MENUJU MALAYSIA 5.0

- *Penjajaran semula operasi supaya lebih pantas untuk memimpin lonjakan digital negara berdepan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang akan mendorong kemakmuran bersama untuk semua rakyat*
- *Empat bidang fokus strategik membabitkan perniagaan digital, pelaburan digital, bakat digital dan MDEC Digital untuk mendorong jangkauan berimpak tinggi*
- *Memperhebatkan proses pendigitalisasi dan perkhidmatan MDEC, meningkatkan tadbir urus dan kepantasan pelaksanaan.*

CYBERJAYA, 17 November 2020: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) hari ini mengumumkan penstrukturan semula organisasinya membabitkan fokus strategik dalam usaha untuk mengukuhkan peranan sebagai peneraju ekonomi digital negara serta memberi manfaat lebih meluas kepada rakyat. Langkah ini menyusul selepas pelantikan empat pakar industri berkaliber ke dalam Lembaga Pengarah baru - baru ini yang dijangka akan memantapkan kepemimpinan MDEC untuk menangani gangguan yang wujud, berdepan norma baharu serta meningkatkan tata kelola dengan lebih menyeluruh dan pantas.

Bagi berdepan situasi yang tidak pernah dijangka akibat pandemik COVID-19, perubahan tidak dapat dielakkan. Menyedari bahawa transformasi dan penggunaan digital adalah sangat penting untuk memanfaatkan peluang baharu, MDEC yakin struktur kepemimpinan yang pantas, efisien dan kolaboratif akan membantu mencapai visi Malaysia 5.0 yang terkait masyarakat yang saling berhubung dalam era IR 4.0.

Penjajaran Semula MDEC

MDEC yang 'dicipta' semula akan memperkenalkan empat fokus strategik yang disokong oleh Majlis Operasi MDEC yang baharu dibentuk iaitu terdiri daripada lima bahagian:

Bidang Fokus Strategik	Bahagian	Ketua
MDEC Digital	Strategi <i>(Pejabat Transformasi)</i> <ul style="list-style-type: none">o <i>Transformasi dan Pembangunan Organisasi</i>o <i>Kecerdasan Buatan (AI) & Teknologi</i>	Dato' Fadzli Shah Azhar Jamal Azri Yahaya
Perniagaan Bertenaga Digital	Adaptasi (Permintaan) Industri (Bekalan)	Dato' Ng Wan Peng Gopi Ganesalingam
Pelaburan Digital	Pelaburan dan Penjenamaan	Raymond Siva
Rakyat Malaysia Berkemahiran Digital	Kemahiran & Pekerjaan	Dr. Sumitra Nair

Kesemua ketua dalam Majlis Operasi MDEC ini akan melapor kepada Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri membabitkan transformasi dan fungsi korporat. Menerapkan struktur kepemimpinan baharu yang lancar merupakan kunci untuk melaksanakan tugas dengan pantas, memperluaskan capaian dan mewujudkan kesan sosio ekonomi yang diukur berteraskan kepantasan digital.

MDEC digital akan mengutamakan penjajaran nasional yang strategik membabitkan kesemua perkhidmatannya. Seterusnya, ia juga akan melaksanakan cadangan berdasarkan tinjauan tadbir urus yang bersestematik. Perniagaan Bertenaga Digital pula akan mendorong dua teras iaitu penggunaan digital di kalangan perniagaan dan meningkatkan jumlah pemain industri digital. Pelaburan Digital bertujuan untuk menarik pelaburan ke sektor teknologi digital dan memangkin teknologi IR 4.0. Teras utama iaitu rakyat Malaysia yang mahir secara digital adalah untuk menggunakan semula kemahiran, padanan pekerjaan dan ekonomi perkongsian (Gig).



Lima bahagian ini diharapkan dapat bekerjasama erat dengan mengemudi pasukan secara pantas, memberi perkhidmatan terbaik dengan mengutamakan penyelesaian digital untuk merebut peluang dan menangani cabaran. Secara bersama juga, keempat-empat bidang fokus strategik dan lima bahagian ini akan berperanan penting dalam menjadikan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

" Kita memasuki dekad kedua abad ke-21 dan harus berdepan impak peningkatan transformasi digital dan IR4.0. Ini memberi cabaran terhadap budaya kerja sedia ada termasuk cara berfikir, pelaksanaan, komunikasi, dan model pengurusan yang diamalkan. Sumber manusia akan menjadi pemacu transformasi digital. Oleh itu, saya membayangkan Malaysia 5.0 akan menyatukan masyarakat sebagai pusat teknologi IR 4.0 . Penjajaran semula ini akan membantu kita menjadikan visi Malaysia 5.0 sebagai kenyataan kerana ekonomi digital mestilah untuk kemakmuran bersama," kata Pengerusi MDEC, **YBhg. Datuk Wira Dr Hj. Rais Hussin Mohamed Ariff.**

MDEC akan memperkenalkan Metrik Penilaian IOOI (Input, Output, Outcome, Impact) untuk membimbing , menilai peruntukan dan penggunaan sumber masa depan secara berkesan membabitkan sumbangan organisasi kepada masyarakat. Ini secara langsung akan menjadikan organisasi sebagai berprestasi tinggi dan memberi impak yang menyeluruh.

" Langkah ini akan memastikan visi yang jelas, peningkatan pemilikan dan pendekatan kolaboratif untuk memacu kejayaan. Inilah masanya untuk MDEC lebih berani dalam memimpin lonjakan digital Malaysia dan seterusnya membina ekonomi digital untuk semua. Sekiranya MDEC tidak bertindak sekarang, kita mungkin akan menjadi mangsa penjajahan ekonomi digital. Saya yakin visi ini yang disokong oleh pasukan mantap berteraskan metodologi IOOI serta akan menjadikan Malaysia mempunyai struktur lengkap bagi mencapai hasrat menjadi Nadi Digital ASEAN," katanya.

Pada masa sama , beliau berharap, langkah ini dapat memberi kesan positif kepada ekosistem digital. Berpandukan empat bidang fokus strategik berkenaan, MDEC dapat mengurangkan budaya kerja secara silo sambil mendorong sinergi dan kecekapan. Melaluinya, sumber manusia, industri dan pelabur akan mendapat manfaat dan akses kepada kepakaran bersepadu, program dan inisiatif sokongan kewangan yang relevan. Secara mendalam, pendigitalan akan membolehkan pelanggan mendapat perkhidmatan yang lebih baik.

" Penstrukturan semula ini akan membolehkan MDEC untuk berkhidmat dengan lebih cepat serta meletakkan organisasi pada posisi lebih baik untuk menyokong rakyat, industri, pelabur, kerajaan dan mengatasi kelemahan yang ketara dalam operasi sebelum ini. Kami berada di laluan #Change dan tidak akan menoleh ke belakang. Gangguan dan perubahan adalah perkara



baharu. Sehubungan itu, kita mesti mengambil peluang yang ditawarkan dan menstruktur semula organisasi dengan mengambil kira matlamat untuk memenuhi tuntutan digital yang baharu. Keutamaan kita ialah untuk sentiasa melaksanakan amanah yang diberikan oleh kerajaan dan rakyat. Majlis Operasi MDEC akan lebih fokus, tangkas dan kolaboratif dalam menangani cabaran pekerjaan penting yang wujud," kata **Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri.**

Malaysia Sebagai Nadi Digital ASEAN

Malaysia berada di landasan tepat untuk mencapai hasrat menjadi Nadi Digital ASEAN. Ketika ini, kita berada pada posisi ke-8 di Asia Pasifik dalam Indeks Inovasi Global 2020, yang mengukur kemampuan inovasi di kalangan 131 negara. Selain itu, Kuala Lumpur berada pada kedudukan ke-11 dalam Laporan Ekosistem Syarikat Baharu Muncul Global 2020 oleh Starup Genome yang menyenaraikan 140 ekosistem pemula terbaik dunia.

Dalam era teknologi baharu, inovasi digital akan berfungsi sebagai manfaat sosial untuk mendorong kemakmuran bersama bagi semua rakyat dan kita harus menjadikan visi Malaysia 5.0 sebagai keutamaan nasional. Sebagai peneraju ekonomi digital Malaysia, penstrukturan semula MDEC akan membuka jalan untuk memimpin Malaysia melakukan lonjakan digital memasuki I.R 4.0 serta mengukuhkan status Malaysia sebagai salah satu negara Asia yang pantas dalam mengadaptasi digital.

-TAMAT-



Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan ekonomi digital negara. Ditubuhkan pada tahun 1996, mandat MDEC termasuk memacu penerapan mengguna pakai teknologi digital di kalangan rakyat, pembangunan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, merangka dasar-dasar ekonomi digital serta mewujudkan juara-juara dalam bidang ekonomi digital di peringkat global.

Untuk memastikan masa depan Malaysia menghadapi era digital terjamin, MDEC akan bersandarkan rekod prestasinya yang kukuh, kredibiliti di kalangan industri dan kepimpinan yang berpengalaman untuk mengaitkan, memangkinkan dan mengkomersialkan inisiatif-inisiatif digital yang bertujuan untuk menggiatkan kemajuan ekonomi digital yang sedang berkembang dengan pesat dan mampan serta menjadikan kepelbagaian dan keterangkuman sebagai terasnya.

MDEC juga akan terus memacu pertumbuhan ekonomi digital berimpak tinggi selaras dengan Wawasan Kemakmuran Negara 2030 dan mengukuhkan reputasi negara sebagai Nadi Digital ASEAN.

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif ekonomi digital yang dilaksanakan oleh MDEC sila layari www.mdec.my atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec